

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 15 OKTOBER 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 46

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1213-L16425
Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah status jawatankuasa menangani masalah disiplin pelajar yang melibatkan Kerajaan Tempatan dan NGO-NGO serta adakah Kementerian bersedia mewujudkan semula amalan merotan di khalayak ramai (Public Caning).
2. PR-1213-L15129
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah permohonan daripada pengusaha teksi negeri Pulau Pinang untuk menaikkan tambang akan dimuktamadkan dan apakah Rapid Penang akan menawarkan perkhidmatan teksi.
3. PR-1213-L16286
Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan Jalan Keruak, Hulu Besut ke Gunung Bongsu, Hulu Terengganu yang telah pun disempurnakan pelancarannya oleh Kementerian pada 1 Mac 2008 akan dimulakan dan berapa lama tempoh yang akan diambil bagi menyiapkan projek tersebut.
4. PR-1213- PR-1213-L15859
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bila SPAN akan buat audit prestasi (performance audit) terhadap Syabas memandangkan peningkatan tarif air sebanyak 37% pada Januari 2009. Adakah laporan audit prestasi (performance audit) akan dikemukakan kepada orang ramai sebelum tarif air meningkat.

5. PR-1213-L15419
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai pelan alternatif kepada pengurusan ekonomi negara sekiranya ekonomi dunia masih berterusan tidak seimbang akibat harga minyak tidak stabil dan keruncingan makanan dunia.
6. PR-1213-L16445
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa jumlah batang lampu jalan yang telah dipasang di antara Plaza Tol Nilai Utara dan Seremban, kos setiap batang, jumlah perbelanjaan, siapa yang menanggung perbelanjaan tersebut, siapa kontraktor yang menjalankan projek dan jenis tender yang dilaksanakan.
7. PR-1213-L15744
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah perancangan Kementerian untuk tidak menyerap Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan ke Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menjaga kepentingan kakitangan dan pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan.
8. PR-1213-L16363
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan program-program yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan jumlah peniaga-peniaga wanita Bumiputera dan bukan Bumiputera. Nyatakan bagaimana pandangan wanita diambil kira semasa program-program ini dirancang.
9. PR-1213-L15977
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan cadangan jangka panjang Kementerian untuk mengurangkan 'dependency' negara terhadap 'fossil fuel'.
10. PR-1213-L16346
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Takaful Malaysia tidak lagi memberikan keuntungan mudharabah kepada pemegang polisi Takaful kenderaan dan adakah benar pengurusan Takaful ini telah diambil alih oleh syarikat lain.
11. PR-1213-L15148
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) berapakah nisbah 1 mesin dialisis pesakit yang ingin dicapai oleh Kementerian memandangkan 1278 buah mesin untuk 122 hospital adalah amat kekurangan; dan
 - (b) adakah Kerajaan mempertimbangkan menyediakan mesin dialisis mudahalih.

12. PR-1213-L15180
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan memandangkan kebanyakan Kementerian-kementerian lain menjadikan sekolah sebagai sasaran aktiviti mereka, adakah Kementerian sedar perkara ini amat membebankan pelajar dan guru. Apakah langkah Kementerian mengatasi hal tersebut.
13. PR-1213-L15031
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi mengatasi prestasi akademik yang lemah bagi murid-murid di sekolah rendah dan sekolah menengah. Berapakah peratus murid-murid sekolah di bandar dan luar bandar.
14. PR-1213-L14717
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah orang India tidak dipilih untuk menjawat jawatan pengarah dalam lembaga pengarah dan juga dalam panel penasihat antarabangsa di LOFSA dengan adanya pakar-pakar dalam bidang kewangan dan pengurusannya dalam lembaga tersebut.
15. PR-1213-L15985
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan membina sebuah klinik pakar asas di bahagian Limbang memandangkan keadaan geografi yang menyulitkan untuk dihantar ke Hospital Miri, apatah lagi sekiranya ada kes kematian yang akan melibatkan kos amat tinggi mencapai RM4000 hingga RM5000 untuk urusan membawa balik jenazah.
16. PR-1213-L16301
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan ekoran kontraktor menarik diri dari projek Kerajaan atas sebab tidak mampu meneruskan projek kerana kenaikan kos pembinaan, jumlah projek dan kos yang terlibat.
17. PR-1213-L16254
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah hasil pungutan zakat bagi tahun 2007 dan berapakah jumlah yang telah diagihkan.
18. PR-1213-L16038
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kontrak untuk pembekalan buku-buku teks kepada sekolah-sekolah di Sabah tetapi masih tidak mencukupi, sehinggalah para pelajar meminjam buku-buku teks ini untuk difotostat. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan buku.

19. PR-1213-L15839
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah peranan FELCRA Bhd di dalam membantu masyarakat luar bandar khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan.
20. PR-1213-L16474
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci, dari tahun ke tahun dalam penggal ke 11, daripada peruntukan sebanyak RM4,148,000.00 yang diberikan kepada bekas Ahli Parlimen Seremban penggal ke 11, bagaimana ianya dibelanjakan dan apakah projek-projek yang menerima hasil peruntukan tersebut.
21. PR-1213-L14904
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes kesalahan jenayah atas kegiatan peminjam wang "Along" dan berapa ramai peminjam yang terlibat serta mengakibatkan keretakan keluarga serta kehilangan nyawa.
22. PR-1213-L15544
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha-usaha yang efektif untuk membolehkan 7643 buah sekolah rendah dan 2165 buah sekolah menengah mencapai tahap Sekolah Bestari pada 2010 memandangkan hanya 25 buah Sekolah Bestari mencapai taraf lima bintang Smart School Qualification Standard (SSQS). Apakah masalah-masalah dan cara-cara untuk mengatasinya.
23. PR-1213-L16319
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berikan butiran terperinci nama dan negeri asal tiap pemuzik di dalam Malaysian Philharmonic Orchestra; dan
 - (b) berikan butiran terperinci gaji, elaun dan lain-lain kemudahan/bayaran bulanan/tahunan kepada setiap pemuzik dan dimanakah penginapan mereka dan kos yang ditanggung untuknya.
24. PR-1213-L15672
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab kuasa perlesenan syarikat pinjaman wang berada dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bukannya satu fungsi Kementerian Kewangan yang lebih berpengaruh dan berkepakaran dalam bidang kewangan.

25. PR-1213-L16200
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan setiap rakyat dapat memiliki rumah di bawah program 'Satu keluarga Satu Rumah' dalam menjamin kehidupan yang berkualiti.
26. PR-1213-L15366
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos yang dibiayai oleh Kerajaan, dalam perkara Suruhanjaya Agung dalam kes video V.K. Lingam serta tindakan-tindakan yang telah diambil berkenaan dengan rumusan-rumusannya.
27. PR-1213-L15787
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah pada tahun 2005 Kerajaan mengizinkan Proton menjual saham MV Augusta sebanyak 57.75% (harga beli RM478 juta) pada harga kurang daripada RM5 kepada Gevi Spa, dan pada tahun 2007 saham tersebut telah dijual kepada BMW pada harga RM478 juta dan bagaimana process perlantikan penilai Credit Suisse First Boston dilaksanakan dan berapa kos profesional dibayar kepadanya.
28. PR-1213-L14877
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah pihak pentadbiran Institut-institut Pengajian Tinggi Awam Negara enggan ataupun menunjukkan keberatan untuk mengambil kakitangan-kakitangan akademik dan juga kakitangan-kakitangan pentadbiran dari golongan bukan bumiputera.
29. PR-1213-L15479
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan tindakan dalam melaksanakan Konvensyen Antarabangsa Penyisihan Apa Juga Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC).
30. PR-1213-L15192
Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada bekalan beras negara mencukupi untuk keperluan rakyat sampai bila-bila masa dan bilakah projek estet jelapang padi di Sarawak akan bermula.
31. PR-1213-L15218
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mewajibkan syarikat-syarikat besar atau pun jabatan-jabatan Kerajaan untuk mengambil pekerja dari kalangan thalasaemia dan memasukkan kumpulan ini dalam kuota OKU.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 16/2008) Rang Undang-undang Perbekalan 2009 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang “ (14 Oktober 2008).**

DAN

Usul dibuat oleh YAB. Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan:-

“ Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. “

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (14 Oktober 2008)

2. (D.R. 13/2008) Rang Undang-undang Indentifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 – **Pertimbangan dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis. (28 Ogos 2008)**
(Menteri Dalam Negeri)
3. (D.R. 12/2008) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008 **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Menteri Pengajian Tinggi)
4. (D.R. 14/2008) Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. “
(Menteri Pengajian Tinggi)
5. (D.R. 15/2008) Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. “
(Menteri Pertahanan)
6. (D.R. 19/2008) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. “
(Menteri Kewangan)

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada Program Penambahan Semula Dana Persatuan Pembangunan Antarabangsa ke Lima Belas sebanyak RM7,327,324. “

8. PR-1213-U14748

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, sejak akhir-akhir ini, seluruh dunia dan tidak ketinggalan negara Malaysia, menghadapi masalah pencemaran alam sekitar yang amat serius. Dan mengambil maklum bahawa selain menyebabkan pencemaran alam sekitar, plastik telah menyumbang kepada kejadian banjir, takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lain-lain lagi masalah yang boleh memudaratkan kesihatan dan keselamatan manusia sejagat. Dan mengambil maklum bahawa, dengan kemajuan teknologi yang terdapat pada ketika ini, terdapat banyak jenis plastik mesra alam atau bioplastics yang boleh kita gunakan dengan selamat berbanding dengan plastik hasil petroleum. Dan mengambil maklum bahawa kita diberkati dengan bahan-bahan semula jadi bagi menghasilkan plastik mesra alam seperti polylactide acid (PLA) plastic, poly-3-Hydroxybutyrate (PHB) Polyamide 11 (PA 11) dan Bio-Derived Polyethylene. Maka dengan ini, dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda satu akta yang mengharamkan penggunaan plastik hasil keluaran petroleum , dan menggantikan penggunaan plastik tersebut dengan plastik mesra alam."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

9. PR-1213-U14754

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa fenomena global warming menjadi sangat serius dan Malaysia tidak terkecuali daripada fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa, fenomena ini telah menjadi keraguan bagi seluruh dunia. Dan mengambil maklum bahawa mengikut kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 2002, pelepasan Carbon Dioxide hasil daripada penjanaan kuasa elektrik menyumbang 40% daripada pelepasan Carbon Dioxide yang secara terus menyebabkan kerosakan ozon yang secara langsung pula menyebabkan kepanasan dunia. Dan mengambil maklum juga bahawa hari ini, pembakaran Fossil Fuel dan arang batu sebagai bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik terbukti memudaratkan kehidupan manusia.

Dan mengambil maklum bahawa terdapat banyak teknologi baru bagi menghasilkan tenaga elektrik seperti Pelamis Wave Energy Converter-Ocean Sources , Biomass Fuel, Geothermal Energy, Hydroelectric, Solar Energy, Wind Energy dan Fuel Cell. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif seperti yang disebutkan tadi, terutama sekali di kawasan yang tidak mendapat bekalan elektrik, misalnya di pulau-pulau di perairan negeri Sabah."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

10. PR-1213-U14757
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penstrukturan semula subsidi minyak telah membawa impak kepada mutu hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa kesan penstrukturan ini juga telah menyebabkan Kerajaan menanggung kos subsidi yang lain bagi menstabilkan kesejahteraan hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa penggunaan petrol sebagai bahan bakar (bagi kenderaan) telah meningkat dengan mendadak sekali. Dan mengambil maklum juga dengan rizab gas asli yang hampir mencapai 100 trilion kaki padu, penggunaan gas asli dalam Natural Gas Vehicle (NGV) haruslah dikembangkan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menjadikan projek NGV ini sebagai projek nasional, yang mana ianya bukan sahaja dapat menjimatkan wang Kerajaan dari segi subsidi minyak tetapi juga dapat mengurangkan kesan pemanasan dunia."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

11. PR-1213-U15554
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kedudukan undang-undang dan kesesuaian Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 untuk mewujudkan KL sebagai Bandar Raya Bertaman Tropika dan Bertaraf Dunia. Dewan juga hendak membahaskan pelbagai aspek termasuk penggunaan tanah dan kepadatan kependudukan KL."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

12. PR-1213-U15555
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana wujudnya kerjasama dari semua pihak dengan Institut Integriti Malaysia untuk meningkatkan integriti dan masalah dan menghapuskan rasuah di negara ini."

(Perdana Menteri)

13. PR-1213-U16405
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."
- (Menteri Penerangan)**
14. PR-1213-U16408
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."
- (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**
15. PR-1213-U16411
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."
- (Perdana Menteri)**
16. PR-1213-U16414
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."
- (Menteri Dalam Negeri)**
17. PR-1213-U14923
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya mengikut seksyen 4, Akta 144 Akta Pembangunan Petroleum 1974 agar Kerajaan negeri yang mengeluarkan minyak mentah dinaikkan royalti daripada 5% setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak kepada kadar 20%."
- (Perdana Menteri)**

18. PR-1213-U14926

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan untuk membincang supaya Kerajaan merancang serta menyusun semula kerjasama dengan semua negara-negara yang ada kaitan dengan pembangunan BIMP-EAGA agar negara-negara jiran ini dapat sama-sama membangun serentak untuk mengimbangkan pembangunan dengan negara yang kurang membangun. Penghijrahan pekerja daripada negara jiran sudah tentu dapat dibendung khususnya Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah dapat dikurangkan."

(Perdana Menteri)

19. PR-1213-U14928

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang dengan seriusnya agar perusahaan penanaman padi dapat digembleng dan dipertingkatkan. Kawasan-kawasan sesuai yang terbiar seharusnya diusahakan demi untuk menampung keperluan makanan utama kita. Kerajaan seharusnya mempertimbangkan bantuan kewangan serta nasihat teknikal dalam perusahaan yang murni ini."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

20. PR-1213-U16495

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan bahawa kerajaan persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya kerajaan tempatan di semua majlis / dewan bandar raya dan majlis perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi maksud tersebut supaya perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

21. PR-1213-U16496

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium memperingati kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka dan bapa pembangunan awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

22. PR-1213-U16497
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membantah tindakan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membentuk JKKKP di kampung-kampung dalam negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan campuran Pakatan Rakyat kerana ia bertindan dengan JKKK sedia ada yang ditadbir oleh pejabat daerah di negeri-negeri tersebut menyebabkan rakyat berpecah-belah, berpuak-puak dan didiskriminasikan, sebaliknya merestui JKKK sedia ada dengan menyalurkan peruntukan secara sama rata dan adil."

(Menteri Kemajuan Menteri Luar Bandar dan Wilayah)

23. PR-1213-U16498
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk mendesak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dalam proses Draf Pelan Tempatan 2020 menetapkan dasar tegas untuk tidak mengambil tindakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah-tanah milik persendirian di Kuala Lumpur bagi melaksanakan cadangan pelan yang bertentangan dengan kepentingan dan kehendak rakyat."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

24. PR-1213-U14755
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah membahaskan perubahan dasar iaitu Sistem Pendidikan kini yang amat dipinggirkan dan tanda-tanda yang amat mudah dilihat ialah rendahnya anggaran peruntukan pendidikan yang disediakan untuk kaum bukan bumiputera. Pada masa yang akan datang, pengamalan yang negatif ini akan melumpuhkan kegiatan pengembangan dalam bidang pendidikan dan akibatnya akan mengalami stagnasi yang luar biasa untuk satu kaum. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan bagi menggalakkan dan memberikan peluang untuk reformasi bidang pendidikan di negara agar setiap generasi dan kaum dapat dibentuk sesuai dengan tuntutan zamannya dan bagi perubahan tersebut, kadar nisbah harus dimansuhkan dan pinjaman pendidikan harus dibuka kepada kesemua rakyat Malaysia yang layak untuk mendapatnya."

(Menteri Pelajaran)

25. PR-1213-U14756
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa dengan ini Dewan hendaklah mengambil satu ketetapan untuk meminta Kerajaan Malaysia untuk membina 100 buah Sekolah Cina dan 50 buah Sekolah Tamil yang baru tanpa apa-apa keraguan perbezaannya dalam jangka masa yang singkat."

(Menteri Pelajaran)

26. PR-1213-U15524
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan majlis yang dinamakan Majlis Tindakan Perancangan Tenaga Negara (MTPTN) yang, antara lain akan membincangkan langkah-langkah pro-aktif Kerajaan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya krisis harga bahan api fosil dunia yang sering kali di manipulasi oleh pasaran minyak mentah antarabangsa. Majlis ini akan berperanan mengikut terma-terma berikut berperanan mengenal pasti dan seterusnya melantik pakar-pakar dalam bidang-bidang berkaitan dari pihak Kerajaan, swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) dan parti-parti politik menganggotai MTPTN, MTPTN berperanan mengemukakan Pelan Induk (Master Plan) untuk membolehkan Kerajaan membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang di dalam menghadapi apa jua kemungkinan yang melibatkan krisis harga minyak di pasaran dunia dan mengkaji dengan penuh tanggungjawab bagaimana penstrukturan subsidi minyak boleh diagihkan dengan lebih adil dan kompeten kepada golongan sasaran di negara ini."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

27. PR-1213-U15526
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Tertinggi peringkat kebangsaan bagi membolehkan Kerajaan melihat dan mengkaji semula peranan dan masa depan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) yang semakin lumpuh akibat daripada sikap Kerajaan sendiri yang menghentikan pemberian bantuan per kapita pada tahun 2002."

(Perdana Menteri)

28. PR-1213-U15527
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya dikaji prestasi dan kompetensi Ketua Polis Negara dan Peguam Negara yang semakin dipersoalkan kredibiliti mereka oleh rakyat pada masa ini. Oleh itu, satu Tribunal Khas hendaklah ditubuhkan segera bagi mengembalikan integriti pasukan polis dan Jabatan Peguam Negara dan seterusnya memulihkan kepercayaan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan dan pendakwaan di negara ini."

(Perdana Menteri)

29. PR-1213-U15528
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya satu kajian secara holistik hendaklah dijalankan terhadap kepekaan Kerajaan terhadap peranan golongan kurang upaya (OKU) di negara ini. Masih lagi terdapat banyak ruang yang memerlukan tindakan lebih serius Kerajaan untuk membela nasib dan masa depan golongan OKU ini. Ketidakpedulian pihak-pihak tertentu khususnya pihak swasta dan Kerajaan sendiri telah mengakibatkan golongan OKU tercicir terutama untuk mendapatkan hak mereka seperti peluang pekerjaan, kemudahan asas dan rawatan kesihatan."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

30. PR-1213-U15530
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua tanah rizab Melayu yang ditukar status untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan dan negeri hendaklah disegerakan penggantiannya dengan kawasan lain yang mempunyai nilai harga yang sama."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

31. PR-1213-U15531
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya disegerakan semua usaha untuk memperbaiki serta meningkatkan pentadbiran, kebajikan dan pembangunan Orang Asli."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

32. PR-1213-U14893

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih positif dalam proses mencari pendamaian di Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Utara Sri Lanka. Pengalaman Malaysia dalam mentadbir dan mengurus kepelbagaian etnik dan agama boleh digunakan untuk mengagihkan pengetahuan yang berguna kepada negara-negara ini."

(Menteri Luar Negeri)

33. PR-1213-U14894

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari iaitu kakitangan akademik di Institut-institut Pengajian Awam Negara adalah didominasi oleh satu golongan etnik. Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memastikan bahawa lebih ramai calon daripada golongan bukan bumiputera dilantik sebagai kakitangan akademik pada masa depan agar mencerminkan komposisi multi-etnik negara." "

(Menteri Pengajian Tinggi)

34. PR-1213-U14896

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah-langkah efektif untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil demi menjaga kepentingan serta memenuhi keperluan masyarakat Cina dan India di negara ini."

(Menteri Pelajaran)

35. PR-1213-U15687

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti di bahas di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. "

(Menteri Pertahanan)

36. PR-1213-U15416

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan tuntutan Singapura untuk meluaskan zon ekonomi eksklusif dari Batu Puteh dan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan untuk menentang tuntutan ini."

(Menteri Luar Negeri)

37. PR-1213-U14683

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi memperkukuhkan sistem pengangkutan awam yang cekap, tepat, pantas dan murah serta mempunyai satu sistem yang berintegrasi antara satu sama lain. Jaringan pengangkutan tersebut harus diperluas ke seluruh pelosok negara tidak terhad hanya kepada bandar-bandar utama sahaja."

(Menteri Pengangkutan)

38. PR-1213-U14684

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi mengurangkan kursus, seminar dan kegiatan pelancongan ke luar negara sebaliknya menggantikan lokasi tersebut ke dalam negara. Ini bagi menjimatkan kos perbelanjaan Kerajaan seterusnya merencanakan industri pelancongan dalam negara yang terjejas teruk akibat kenaikan harga petrol dan barangan keperluan. Ia juga dapat membantu pengusaha-pengusaha yang bergantung pendapatannya dengan kegiatan pelancongan seperti perhotelan, rekreasi dan seumpamanya."

(Menteri Pelancongan)

39. PR-1213-U15521

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa- Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana bersetuju bahawa negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali."

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut. "

(Menteri Luar Negeri)

40. **Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Subang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2008."

(Menteri Dalam Negeri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2008</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.101	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Putra Malaysia (UPM) Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit)	15 Oktober 2008
CMD.47	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit)	15 Oktober 2008